



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 5 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MENINGKATKAN PENGLIBATAN GOLONGAN BELIA, KEMENTERIAN MAFI, HAKAH -F3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	JPV ANJUR PROGRAM MESRA PENTERNAK, NEGERI, HAKAH -N14 'TAK SANGGUP DAH TENGOK KERBAU MATI', LOKAL, HM -10 SEMUA KLINIK PERLU IKUT PERATURAN, NASIONAL, BH -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7.	SOROK BENIH PADI UNTUK NAIKKAN HARGA, LOKAL, HM -17 TANGANI ISU EKSPLOITASI HARGA BENIH PADI, NEGERI KEDAH, SH -27 STOK BENIH PADI 'HILANG' MAINAN ORANG TENGAH, HEAD TOPICS -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	STUDENT FACES JAIL AND FINE FOR BRINGING CATS INTO M'SIA, NATION, THE STAR -9 DUA KUCING LUAR NEGARA DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -31 PGA RAMPAS 3.87 TAN AYAM SEJUK BEKU SELUDUP BERNILAI RM38,700, NEGARA, KOSMO -14 PADAH BAWA BALIK KUCING DARI MOSCOW, NEGARA, KOSMO -7 MAQIS RAMPAS DUA KUCING CUBA DIBAWA MASUK DARI RUSIA, LOKAL, HM -11 3.87 TAN AYAM SEJUK BEKU DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14. 15. 16. 17. 18.	SASAR JUALAN TANAH SEMAIAN MAMPU MILIK, BISNES SINAR, SH -30 ENTREPRENEURS NEEDED TO BRING AGRICULTURE TO GREATER HEIGHTS, NEWS, THE STAR -6 PERTANIAN PENTING HADAPI PANDEMIK COVID, KELANTAN, HAKAH -N11 UMK MILIKI PUSAT KOLEKSI DURIAN TERBESAR, KELANTAN, HAKAH -N12 BIMBANG DILANGGAR KAPAL WAKTU MALAM, LOKAL, HM -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Rangkuman Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
Timbalan Menteri II MAFI, Dato' Che Abdullah Mat Nawi.

Meningkatkan penglibatan golongan belia

Oleh NOR HAZWANI NOH

MESKIPUN sektor pertanian jarang mendapat tempat di hati golongan belia, namun kerajaan sentiasa menggalakkan anak muda untuk melibatkan diri untuk menerajui industri ini.

Ini berikutan untuk memperkasakan produktiviti industri pertanian dan makanan sekali gus meningkatkan hasil pengeluaran makanan di seluruh negara.

Menerusi laporan Bernama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, selain membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia, negara ini memerlukan kredibiliti anak muda bagi memajukan industri berkenaan.

Beliau berkata ia memandangkan sumber pengeluaran makanan dilihat semakin berkurangan namun permintaan terus meningkat. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa berusaha pelbagai langkah dengan menggunakan teknologi dan melakukan kajian bukan sahaja di jabatan yang berkait pertanian tetapi pusat pengajian juga berusaha meningkatkan pengeluaran makanan berdasarkan sumber terhad termasuk daripada aspek biji benih, automasi dan sebagainya.

"Bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan ini lagi, kita perlu tenaga yang kuat, pemikiran baharu serta kebolegunaan teknologi baharu, maka sudah tentu kita mahukan anak muda menceburi bidang pertanian dan menanam sumber kekayaan negara seperti kelapa, nenas, nangka, musang king, padi, jagung dan sebagainya," katanya.

Jelajah Prihatin Nelayan di Putatan

Seterusnya, beliau telah mengikuti Program Jelajah Prihatin Nelayan yang merupakan satu inisiatif MAFI melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam usaha untuk membantu komuniti

nelayan.

Turut hadir bersamanya Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LKIM, Azib Yaacob, Pengarah LKIM Negeri Sabah, Mohd Jamil Abdullah dan Pengerusi PNK Kota Kinabalu, Dato' Arsit Sedi.

Che Abdullah turun merasmikan program di Dewan Terbuka Bakut View, Kampung Sendil, Putatan bersama ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Kinabalu.

Dalam program itu disampaikan cek cura Elaun Sara Hidup bernilai RM 2.4 juta kepada 923 orang nelayan yang diberikan secara bulanan, Projek Khas Perumahan Nelayan berjumlah RM540,000 kepada 36 orang nelayan, Pakej Rangsangan Ekonomi 2.0 (PRIHATIN) bernilai RM150,000 kepada PNK Kota Kinabalu dan RM20,000 untuk Program Tanaman Kontan yang membantu 20 orang penitima.

Menerusi hantaran di laman Facebook miliknya, peruntukan sebanyak RM400,000 diserahkan untuk menaik taraf Pasar Nelayan Pasir Putih, Putatan untuk kesejahteraan pengguna dan penjual hasil perikanan di sana.

Majlis pecah tanah pusat pemrosesan buah-buahan dan kembara agropreneur muda di FAMA Sabah (bold)

MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membangunkan pusat pemrosesan buah-buahan bagi membantu petani Sabah mengatasi lambakan buah-buahan.

Melalui sumber laporan *Sinar Harian*, Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat, membacakan teks Dato' Seri Dr Ronald Klandee berkata, projek tersebut diwujudkan bagi mendukung hasrat kerajaan untuk meningkatkan eksport negara, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Selain itu, pihaknya juga dapat memanfaatkan pusat tersebut untuk memasarkan buah-buahan ikonik seperti buah tarap, pomelo dan pisang Sabah kepada rakyat di Semenanjung serta eksport ke luar negara.

Katanya lagi, ia sekali gus



Che Abdullah di program di Dewan Terbuka Bakut View, Kampung Sendil, Putatan bersama ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Kinabalu.

memberi keyakinan kepada petani untuk memperluaskan tanaman dan meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Pusat ini tambahnya dapat menggalakkan penglibatan belia untuk terlibat dalam industri pemrosesan buah-buahan.

Seterusnya, MAFI merancang beberapa projek bernilai RM5 juta di bawah bajet Pelan Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) di Sabah melalui FAMA, antaranya menaik taraf pusat operasi FAMA Kota Kinabalu, Pasar Tanu Tomborung di Kudat dan pasar tamu di Kunak.

Dalam pada itu, kementerian turut menyalurkan geran sebanyak RM7.79 juta bagi membantu seramai 534 peserta agropreneur muda di Sabah bagi menggalakkan mereka menceburi sektor pertanian.

Manfaat Program Ladang Kontrak (LK)

Program Ladang Kontrak (LK) yang dilaksanakan secara integrasi oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI telah berjaya mendidik dan membangunkan usahawan agro yang mampu menghasilkan produk mengikut keperluan pasaran.

Dalam perkara ini FAMA mainkan peranan membantu petani LK melibatkan seramai 3,245 petani dengan berperanan sebagai agensi pemasaran.

Antaranya, melaksanakan jaminan pasaran melalui strategi seperti pengaturan pasaran, penganjuran program jualan atau pemasaran dan belian terus.

Menerusi sumber *Harakahdaily*, Che Abdullah berkata, petani yang terlibat di bawah program LK pada tahun ini adalah peserta berdaftar dipantau oleh jabatan penerima bantuan pemasaran yang dikemalpasti oleh FAMA.

"Sebagai contoh, melalui program pengaturan peserta LK dengan peserta Pasar Tani, seramai 564 peserta telah



Che Abdullah merasmikan program di Dewan Terbuka Bakut View, Kampung Sendil, Putatan



Mencuba makanan yang dilusahkan oleh peserta.

menandatangani perjanjian dengan jangkaan hasil sebanyak 2,469 MT (Metrik Tan) yang bernilai RM4.54 juta.

"Selain itu, pengaturan pasaran turut dilaksanakan dengan pelbagai segmen pasaran seperti pasarnya, pemborong, pengilang dan peserta IKS. Seramai 1,238 peserta LK telah mendapat manfaat dengan kuantiti jualan sebanyak 22,000 MT dan bernilai RM38.39 juta.

"Pengaturan pasaran bersama pengeksport turut dilakukan bagi membuka ruang pasaran serta menjamin konsistensi bekalan,"

katanya.

Katanya lagi, peserta LK turut didedahkan dengan pasaran runcit terus kepada pengguna melalui program jualan terus dari Ladang.

Dengan berbuat demikian, ia telah memberi ruang pasaran alternatif kepada pengeluar untuk mendapat margin keuntungan yang lebih tinggi serta memahami kehendak pengguna.

Sehingga Julai lalu, sebanyak 319 Forward Agreement (FA) telah ditandatangani peserta LK bersama FAMA dengan anggaran nilai sebanyak RM6.25 juta.

JPV anjur program mesra penternak

KUALA TERENGGANU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu (JPV) mengadakan pelbagai program bagi mencegah penyakit berjangkit melibatkan haiwan ternakan.

Antaranya program mesra penternak iaitu program sehari bersama enam atau tujuh penternak sambil melawat, merawat dan memberi nasihat berkaitan dengan ternakan mereka.

Pengarah JPV Terengganu, Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, selain itu program jenguk-jenguk kandang untuk melatih penternak berkaitan penjagaan haiwan.

Program lain Halaqah Veterinar melibatkan perbincangan dua hala bersama penternak.

Katanya peranan JPV meliputi ti pengawalan dan pencegahan penyakit haiwan, pemantauan kualiti makanan dan ternakan.

"Kita turut mengkaji penyakit dan melibatkan sembilan jenis bidang perkhidmatan, 33 disiplin dan 112 aktiviti," katanya pada program bual bicara di TVDI baru-baru ini.

Pada awal bulan lepas 57 kerbau milik keluarga Muhammad Syukur Khamis atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' di Kampung Kubang Bujuk mati mengejut diserang penyakit hawar berdarah.

Dr Mohd Termizi juga berkata, suntikan berkala secara berperingkat sentiasa diadakan bagi mencegah jangkitan penyakit.

Kata beliau suntikan itu bagi mencegah penyakit kuku dan mulut dan hawar berdarah.

Katanya sehingga sekarang suntikan vaksin penyakit kuku dan mulut melibatkan 15,000 lembu dan kerbau. Manakala 11,013 ekor lagi suntikan vaksin hawar berdarah.

"Kalau tiada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) jumlah tersebut mungkin lebih banyak lagi," katanya.

Jumlah lembu dan kerbau di Terengganu dianggarkan kira-kira 95,000 ekor.

Program penvaksinan diadakan secara percuma di mana kosnya ditanggung kerajaan. UPDA



MUHAMMAD Syukur memberi makan kerbau ternakannya.

'Tak sanggup dah tengok kerbau mati'

Kuala Terengganu: "Saya lega kerana baki kerbau yang tinggal tidak sakit dan mati lagi," kata Muhammad Syukur Khamis.

Muhammad Syukur, 15, atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia berkata, dia sudah mula ke sekolah sejak seminggu yang lalu dan menjalani rutin hariannya seperti biasa.

"Tidak perlu lagi berada di kandang setiap masa, hanya pada waktu petang sahaja saya ke kandang kerbau untuk memberi makan dan mengurusnya.

"Kerbau tidak perlu lagi dipantau seperti sebelum ini iaitu ketika pada awal penyakit hawar berdarah (HS) menyerang ternakan.

"Saya bersyukur kerana sebanyak 53 kerbau yang tinggal tidak lagi menunjukkan tanda-tanda dijangkiti penyakit HS itu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Banggol Katong, Serada, semalam.

Katanya, dia difahamkan semua ternakannya itu akan diberikan suntikan pelalian hawar berdarah oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kuala Terengganu minggu hadapan.

Menurutnya, kejadian ternakan diserang penyakit itu memberi pengajaran kepada dia dan keluarganya.

"Selepas ini kami akan pastikan semua ternakan termasuk kerbau, lembu, kambing dan ayam yang ditenak sentiasa mendapatkan suntikan pelalian mengikut jadual yang ditetapkan.

"Tidak sanggup lagi melihat ternakan mati mengejut kerana penyakit berkenaan," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan 57 daripada 110 kerbau yang ditenak keluarganya mati secara tiba-tiba sejak 9 September lalu kerana diserang penyakit Hemoragic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah.

“53 kerbau yang tinggal tidak lagi menunjukkan tanda-tanda dijangkiti”
Muhammad Syukur



SEBUAH KUBANG kerbau yang mati akibat penyakit HS sebelum ini.

Klinik haiwan buang sisa klinikal di Sungai Gong

Semua klinik perlu ikut peraturan

Kuala Lumpur: Semua klinik swasta, sama ada merawat manusia atau haiwan perlu mengikut garis panduan ketat dalam pengurusan pelupusan sisa klinikal kerana kecuatan dalam aspek itu boleh membahayakan kesihatan awam.

Presiden Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Asia, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, berkata seperti klinik lain, klinik haiwan tidak terkecuali perlu mematuhi peraturan ditetapkan kerana sisa klinikal seperti jarum atau kapas mengandungi kuman atau bakteria.

"Sisa klinikal seperti jarum atau kapas mengandungi kuman atau bakteria boleh merebak ke tempat lain. Sebab itu, setiap klinik termasuk klinik haiwan per-

lu mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan, terutama dalam pelupusan sisa klinikal.

"Jika sisa klinikal tidak dihapuskan dengan betul, kita bimbang penyakit, kuman atau bakteria yang ada pada sisa itu menagkitkan jangkitan yang tidak sepatutnya. Inilah tujuan utama prosedur pelupusan sisa klinikal diwujudkan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

BH difahamkan, semua ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat haiwan adalah berbahaya jika tidak dihapuskan dengan betul.

Mengulas tindakan sebuah klinik haiwan membuang sisa klinikal ke dalam Sungai Gong di Rawang, beliau menyifatkan ia perbuatan tidak bertanggungja-

wab dan tidak sepatutnya berlaku dalam sektor perkhidmatan berkenaan.

"Perbuatan dilakukan klinik berkenaan adalah salah kerana tidak mengikut garis panduan klinikal, sekali gus boleh memberi kesan besar kepada alam sekitar serta membahayakan kesihatan awam," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan, sebuah klinik haiwan dikesan membuang sisa klinikal seperti jarum, picagari dan bekas percayal digunakan dalam pembedahan yang masih mempunyai kesan darat.

Penemuan oleh pegawai penyiasat Jabatan Alam Sekitar (*JAS*) itu turut disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Dr Zaini Ujang yang menyertai gotong-royong membersihkan bahagian Sungai Gong untuk dijadikan denai.

Berikutan itu, *JAS* membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan mengikut Seksyen 3b Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, setiap doktor haiwan mempunyai kod etika ketat dan perlu dipatuhi.

Katanya, klinik swasta biasanya menyerahkan urusan pelupusan sisa klinikal kepada syarikat luar mempunyai kelulusan berkaitan kerana bahan itu tidak boleh dibuang sewenang-wenangnya.



Klinik haiwan tidak terkecuali

perlu mematuhi peraturan ditetapkan kerana sisa klinikal seperti jarum atau kuman atau bakteria.

**Quaza Nizamuddin Hassan Nizam,
Presiden Persatuan Doktor-Doktor Veterinar Asia**

Awal bulan lalu, 1,292 kawasan di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air berikutan pencemaran Sungai Gong akibat pencemaran minyak dari industri berhamiran sehingga menjejaskan kira-kira lima juta pengguna.



Keratan akhbar BH Ahad semalam.

Sorok benih padi untuk naikkan harga

Kuala Lumpur: Wujud orang tengah dalam kalangan individu yang menjadi ejen menjual benih padi tidak sah pada harga mahal semata-mata mahu mengaut untung mudah. Ini menyebabkan sektor penanaman padi berdepan masalah berikutan bekalan benih padi sengaja disembunyikan bagi tujuan itu. Mendedahkan perkara itu, Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, kegiatan orang tengah dalangi sindiket tertentu menyembunyikan stok benih padi ketika musim penanaman bermula. Katanya, perkara itu

menjadi isu besar kerana stok benih untuk Sebastian Heng Guan pesawah di utara tanah air didapati hilang biarpun pengeluarannya sentiasa melebihi keperluan. "Kami keluarkan 72,000 tan metrik untuk kegunaan di seluruh semenanjung dan keperluan pesawah pada kadar 70,000 tan. "Harga daripada pengeluaran RM28 untuk setiap kampakit 20 kilogram. Bila berlaku kekurangan bekalan disebabkan manipulasi harga, ia melonjak kepada RM60 sekampit sekali gus membebankan pesawah," katanya. Azman berkata, se-

lain itu, wujud juga sindiket menghasilkan benih padi sendiri dan menggunakan kampakit putih untuk kegunaan pesawah. Bagaimanapun, tiada jaminan mengenai kualiti benih berkenaan dan ia berisiko menjejaskan pengeluaran padi negara.

"Ini isu yang kami tangani. Berdepan ejen serta sindiket dalam kalangan individu. Pesawah terdesak menanam, akhirnya membeli sama ada pada harga tinggi atau pun menda pat benih tidak berkualiti. "Jadi, kami kawal harga siling

dan beri pilihan kepada pesawah memilih benih sesuai bagi mengatasi masalah ini. "Bahagian penguatkuasa meneruskan operasi dari semasa ke semasa bagi memastikan aktiviti ini dapat kita kekang," katanya. Sejak lebih dua bulan lalu, Kawalselia Padi dan Beras menggempur beberapa lokasi termasuk di utara selepas mendapat aduan mengenai kegiatan haram berkenaan. Ia susulan terdapat maklumat mengenai sindiket yang mengawal harga benih, sehingga mendatangkan masalah kepada pesawah termasuk di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

Harga sekampit benih padi RM28 bagi 20 kilogram dinaikkan menjadi RM60

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	27

Tangani isu eksploitasi harga benih padi

Jadi punca petani gagal mulakan tanaman seperti dijadualkan

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan digesa bertindak segera menghantar bekalan benih padi ke kawasan yang telah bersedia untuk memulakan tanaman.

Bekas Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi mendakwa, ia susulan berlaku kelewatan benih padi dan eksploitasi harga menyebabkan

petani gagal melakukan tanaman seperti dijadualkan.

Menurutnya, sebahagian petani di Kedah dan Perlis masih tidak memulakan tanaman disebabkan bekalan benih tiada di pasaran.

"Saya sarankan kementerian menggunakan rangkaian Pertubuhan Peladang sebagai saluran mengedarkan benih padi bagi menjamin bekalan sampai kepada petani," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Phahrolrazi yang juga Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah mengakui berasa kesal kerana isu benih padi berlarutan sejak beberapa tahun lalu dan sehingga kini masih belum diatasi.



PHAHROLRAZI

ada petani terpaksa dapatkan bekalan benih padi di pasaran terbuka dengan harga mahal," katanya.

Menurutnya, ada juga petani yang mengambil kesempatan menjual benih padi pada

"Masalah itu serius dan boleh menjejaskan pengeluaran hasil padi. Para petani tidak dapat menama padi mengikut jadual ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Kelewatan menanam padi mengikut jadual boleh menyebabkan petani menghadapi masalah saliran air ke petak sawah.

"Bekalan benih padi subsidi tidak mencukupi dan lewat tiba, ada petani terpaksa dapatkan bekalan benih padi di pasaran terbuka dengan harga mahal," katanya.

Menurutnya, ada juga petani yang mengambil kesempatan menjual benih padi pada

harga terlalu tinggi berikutan petani tiada pilihan selepas petak tanaman telah sedia untuk disemai.

"Pada tahun lepas, Nafas mengemukakan kertas cadangan kepada kementerian supaya melantik Nafas sebagai pengedar tunggal benih padi subsidi mengikut model bekalan baja subsidi, di mana Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) memasarkan secara langsung kepada petani pada harga ditetapkan," katanya.

Phahrolrazi berkata, pihak kementerian perlu membuat keputusan dan tindakan segera berkaitan isu tersebut supaya petani tidak berterusan berdepan masalah benih padi pada masa akan datang.

Kelmarin, Pertubuhan Persewaja Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyerahkan me-

morandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan susulan masalah kelewatan benih padi dan eksploitasi harga dihadapi petani sejak beberapa musim.

Wakil PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, 41, berkata, jadual menanam padi telah bermula di Perlis dan Kedah sejak 9 September lalu di kawasan fasa 1 dan fasa 2, namun majoriti tidak dapat memulakan tanaman kerana bekalan benih tiada di pasaran.

Katanya, petani juga mengalami masalah kenaikan harga benih yang melampau di sebahagian tempat.

Difahamkan, beberapa kawasan di Kedah dan Perlis mengalami kenaikan harga benih padi yang melampau berikutan bekalan benih yang terhad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2020	HEAD TOPICS	ONLINE	

Stok benih padi 'hilang', mainan orang tengah



#kualalumpur Wujud orang tengah dalam kalangan orang perseorangan yang menjadi ejen menjual benih padi tidak sah dengan harga mahal semata-mata mahu mengaut untung mudah.

kualalumpur Wujud orang tengah dalam kalangan orang perseorangan yang menjadi ejen menjual benih padi tidak sah dengan harga mahal semata-mata mahu mengaut untung mudah.

Kuala Lumpur: Wujud orang tengah dalam kalangan orang perseorangan yang menjadi ejen menjual benih padi tidak sah dengan harga mahal semata-mata mahu mengaut untung mudah.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, ejen terbabit didalangi sindiket tertentu bertindak menyembunyikan stok benih ketika musim penanaman bermula. Katanya, perkara itu menjadi isu besar kerana stok benih kepada sebahagian petani di utara dikatakan 'hilang' biarpun pengeluarannya sentiasa lebih daripada keperluan.

"Dari segi pengeluaran, kita keluarkan 72,000 tan metrik untuk kegunaan di seluruh semenanjung dan keperluan pesawah pada kadar 70,000 tan." Harga daripada pengeluar pula adalah RM28 untuk setiap kampil 20 kilogram. Bila berlaku kekurangan bekalan disebabkan manipulasi harga, ia melonjak kepada RM60 sekampil yang membebankan pesawah," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, selain itu, wujud juga sindiket yang menghasilkan benih padi sendiri yang menggunakan kampil putih untuk kegunaan pesawah. Bagaimanapun, katanya, tiada jaminan mengenai kualiti benih berkenaan dan ia berisiko menjejaskan pengeluaran padi negara.

"Inilah isu yang kita sedang tangani. Berdepan dengan ejen serta sindiket dalam kalangan orang perseorangan. Pesawah yang terdesak untuk mula menanam, akhirnya terpaksa membeli sama ada pada harga tinggi atau pun mendapat benih tidak berkualiti." Jadi, kita akan kawal harga siling dan memberi pilihan kepada pesawah memilih benih yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

"Bahagian Penguatkuasa kita akan meneruskan operasi dari semasa ke semasa bagi memastikan aktiviti ini dapat kita kekang," katanya. Sejak lebih dua bulan lalu, Kawalselia Padi dan Beras menggempur beberapa lokasi termasuk di utara selepas mendapat aduan mengenai kegiatan haram berkenaan.

la susulan terdapat maklumat mengenai sindiket yang mengawal harga benih, sehingga mendatangkan masalah kepada pesawah termasuk di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada). Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 4 Oktober 2020 @ 11:34 PM



Student faces jail and fine for bringing cats into M'sia

PETALING JAYA: A 26-year-old Malaysian student who brought back two cats from Russia could face hefty penalties and jail time for flouting import regulations.

The woman, who arrived from Moscow with two Scottish Folds, risks being fined up to RM100,000 or jail up to six years or both.

Checks at the Kuala Lumpur International Airport found there was non-compliance with conditions imposed by Selangor Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

Maqis' Dr Tarmisal Alimin said she failed to show veterinary health certificates from the exporting country.

"Maqis always conduct checks at all entry points to ensure plants, animals, carcass, fish, agriculture produce and microorganisms imported into Malaysia are free of pest threats, diseases and contaminants," Tarmisal said.

The cats are being kept in quarantine pending investigation."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Dua kucing luar negara dirampas

SHAH ALAM: Padah menimpa pelajar apabila tindakannya membawa dua ekor kucing baka *Scottish Fold* tanpa sijil kesihatan veterinar menjadi punca haiwan itu dirampas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Selasa lalu.

Rampasan itu dilakukan terhadap pelajar wanita yang baharu tiba dari Moscow kira-kira pukul 2 petang.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, pihaknya melakukan rampasan terhadap kedua-dua haiwan tersebut berikutan bagi mengelakkan penya-

kit boleh dibawa oleh kucing seperti *Rabies*, *Parvo Virus* dan *Felino Infectious Peritonis* (FIP) kepada manusia.

“Pemeriksaan yang dilakukan terhadap pemilik kucing terbabit mendapati dia gagal mengemukakan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara pengeksporth.

“Kita mendapati harga bagi kedua-dua haiwan yang dirampas ini bernilai kira-kira RM10,000,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelajar wanita terbabit telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



Satu daripada dua ekor kucing baka *Scottish Fold* yang dirampas MAQIS di KLIA, semalam.

PGA rampas 3.87 tan ayam sejuk beku seludup bernilai RM38,700

Oleh YATIMIN ABDULLAH

PASIR MAS – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 merampas ayam sejuk beku bernilai RM38,700 selepas menahan sebuah lori di Jalan Lubok Jong di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, rampasan berkenaan dibuat kira-kira pukul 7.30 malam oleh anggota PGA yang sedang melakukan rondaan apabila mengesan sebuah lori dipandu dalam keadaan mencurigakan di kawasan Lebuhraya Rantau Panjang-Pasir Mas.

Katanya, anggota PGA terus mengekori dan kemudian berjaya menahan lori itu di jalan Lubok Jong dekat sini.

"Penahanan lori itu membawa kepada penemuan ayam sejuk beku seberat 3.87 tan yang dibawa masuk ke negara ini tanpa dokumen sah.

"Pemeriksaan lanjut mendapati nombor pendaftaran lori tidak sama seperti maklumat yang dikemukakan di dalam dokumen," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Azhari, siasatan awal mendapati, ayam sejuk beku itu dibawa masuk melalui Kompleks



ANTARA bungkusan ayam sejuk beku seludup yang dirampas susulan penahanan sebuah lori di Jalan Lubok Jong, Pasir Mas kelmarin.

Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang.

Katanya, ayam-ayam itu dibawa masuk tanpa membuat pengisytiharan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis).

"Kita turut menahan pemandu serta kelindan lori berusia 23 dan

34 tahun bagi membantu siasatan berkaitan kes berkenaan.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk lori yang digunakan untuk aktiviti menyeludup itu dianggarkan berjumlah RM148,700," katanya.

Kes disiasat mengikut Sekyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Padah bawa balik kucing dari Moscow

SHAH ALAM - Tindakan seorang pelajar Malaysia di sebuah universiti dari luar negara membawa pulang dua ekor kucing dari baka Scottish Fold tanpa sijil kesihatan veterinar membawa padah apabila haiwan tersebut dirampas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini.

Kejadian berlaku pukul 2 petang, pada 29 September lalu ketika pelajar wanita berusia 26 tahun itu baharu tiba dari Moscow, Rusia.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Macjis) Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, rampasan itu bagi mengelakkan penyakit boleh dibawa oleh kucing seperti Rabies, Parvo Virus dan Felino Infectious Peritonitis (FIP) kepada manusia.

"Berdasarkan pemeriksaan mendapati, pemilik kucing itu gagal mengemukakan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara



DUA ekor kucing baka Scottish Fold yang dirampas kerana tidak mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar dari negara pengeksport di KLIA baru-baru ini.

pengeksport.

"Siasatan turut mendapati harga bagi kedua-dua kucing tersebut dianggarkan RM110,000," katanya

dalam kenyataan di sini semalam. Sehubungan itu, beliau menambah wanita tersebut telah melakukan kesalahan di bawah

Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sekiranya disabitkan ke-

salahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2020	HARIAN METRO	LOKAL	11

Maqis rampas dua kucing cuba dibawa masuk dari Rusia

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua kucing yang cuba dibawa masuk dari Rusia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah Maqis Selangor, Dr Farnisal Alimin berkata, dua kucing itu dirampas susulan pemiliknya gagal mematuhi syarat dinyatakan dalam dokumen permit dikeluarkan Maqis.

"Pemiliknya warga tempatan yang baru pulang dari Moscow, Rusia.

"Pemeriksaan mendapati pemilik berkenaan tidak mematuhi syarat permit dikeluarkan Maqis dan gagal mengemukakan Sijil Kesihatan Veterinar dari negara pengeksport," katanya, se-



DUA kucing yang dibawa masuk dari Rusia oleh pemilik warga tempatan dirampas.

malam. 2011 [Akta 728].

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

15(2) [Akta 728].

"Kegagalan mengemukakan dokumen berkenaan adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1) dan Seksyen

diak melebihi enam tahun atau keduanya sekali," katanya.

Beliau berkata, Maqis sentiasa memantau pintu ma-

suk negara bagi memastikan haiwan diimport bebas penyakit dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

3.87 tan ayam sejuk beku dirampas

Oleh YATIMIN ABDULLAH
 utusannews@mediamula.com.my

RANTAU PANJANG: Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan merampas ayam sejuk beku bernilai RM38,700 selepas menahan sebuah lori di Jalan Lubok Jong, Pasir Mas, dekat sini malam semalam.

Penahanan lori tersebut membawa kepada penemuan ayam sejuk beku seberat 3.87 tan yang dibawa masuk ke negara ini tanpa dokumen sah sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7 Superintenden Azhari Nusi berkata, dalam serbuan itu pihaknya turut menahan pemandu serta kelindan lori berusia 23 dan 34 tahun bagi membantu siasatan berkaitan kes berkenaan.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk lori yang digunakan untuk aktiviti menyeludup itu dianggarkan berjumlah RM148,700.

"Bertindak atas maklumat



BUNGKUSAN ayam sejuk beku seludup yang dirampas PGA Batalion 7 Kuantan selepas menahan sebuah lori di Jalan Lubok Jong, Pasir Mas, Rantau Panjang. Kelantan malam tadi.

penyeludupan, sepasukan anggota PGA yang sedang melakukan rondaan telah mengesan sebuah lori dipandu dalam keadaan mencurigakan di kawasan

Lebuh raya Rantau Panjang-Pasir Mas pada pukul 7.30 malam.

"Anggota PGA kemudian terus mengekori dan kemudiannya berjaya menahan lori itu di

Jalan Lubok Jong, Pasir Mas.

Hasil pemeriksaan di dalam lori tersebut telah menjumpai ayam beku," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Azhari memberitahu, pemeriksaan lanjut mendapati nombor pendaftaran lori tidak sama seperti maklumat yang dikemukakan dalam dokumen.

Katanya, pemandu dan kelindan serta semua barangan rampasan dibawa ke Balai Polis Pasir Mas untuk tindakan dan siasatan lanjut.

"Hasil risikan awal, ayam sejuk beku itu dibawa masuk melalui Kompleks Kastam, Imigrasi, Kuantan dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang.

"Ayam-ayam ini dibawa masuk tanpa membuat pengisytiharan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)," ujarnya.

Azhari berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Katanya, kawalan sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini terus diperketatkan bagi memastikan aktiviti jenayah dan penyeludup berjaya dikeseluruhan.

Sasar jualan tanah semaian mampu milik

Digunakan untuk menyemai pelbagai jenis tanaman seperti, cili, terung dan sayur-sayuran

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JEMPOL

Usahawan pertanian yang ingin cuba menceburi tanaman sayur-sayuran ataupun buah-buahan kini boleh memperoleh tanah semaian mampu milik dengan harga yang berpatutan.

Syarikat yang terbabit, Maju Ternak Enterprise yakin produk tanah semaian yang dihasilkan mampu memenuhi golongan usahawan berkenaan.

Petuliknya, Janian Samad, 69 berkata, keyakinan itu didorong sambutan menggalakkan berikutan harga yang ditawarkan berpatutan.

"Harga yang ditawarkan hanya RM12 untuk satu guni tanah semaian seberat 30 kilogram.

"Sesiapa juga boleh membelinya susulan sasaran kita terdiri daripada semua peringkat umur sama ada penduduk FELDA, suri rumah, pelajar, guru ataupun pengedar perseorangan.

"Tanah semaian ini merupakan tanah hitam dengan beberapa campuran tanah lain dan baja semulajadi yang digunakan untuk menyemai pelbagai jenis tanaman seperti, cili, terung, dan sebagainya," katanya.

Mengulas lanjut, Janian berkata, dengan tawaran harga mampu milik itu membantu usahawan pertanian yang mengusahakan tanaman sama ada sayur-sayuran ataupun buah-buahan secara kecil-kecilan atau individu yang baru memulakan perniagaan dalam sektor pertanian untuk menjana pendapatan.

"Tambahan pula ketika ini ramai yang terjejas disebabkan pandemik coronavirus (Covid-19) justeru itu adalah ber-



Janian dan Nano (kanan) menunjukkan tanah semaian siap untuk dijual.

baloi untuk pengusaha pertanian memulakan semula perniagaan dengan mendapatkan stok tanah semaian dengan harga mampu milik.

"Kami turut memberi khidmat nasihat kepada pelanggan berhubung kaedah penanaman yang betul agar tanaman yang diusahakan bukan sekadar mengisi ruang kosong sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tetapi boleh dijadikan sumber pendapatan sampingan," katanya.

Janian yakin syarikatnya mampu mencapai jualan sehingga RM50,000 setahun.

Permintaan tinggi

Dalam pada itu katanya, melihat akan potensi produk itu beliau yakin ianya dapat mencapai sasaran susulan permintaan terhadapnya semakin tinggi terutamanya pada PKP pada bulan Mac lalu.

"Dalam tempoh sebulan anggaran 150 guni tanah semaian terjual dan dijangka jumlah itu meningkat sehingga 400 guni sebulan tahun hadapan.

"Tambahan pula sepanjang PKP, saya mendapati aktiviti bercucuk tanam mula menjadi hobi penduduk FELDA dan ia



Ketika melakukan proses memulakan tanah semaian.

meningkat mendadak kerana peneroka dilarang keluar rumah bagi menghalang penularan wabak Covid-19.

"Pada mulanya, saya bimbang kalau-kalau PKP ini menjejaskan pendapatan seperti yang dialami kebanyakan peniaga lain, namun sebaliknya berlaku, itulah yang dikatakan rezeki," katanya.

Katanya, proses penanaman menjadi lebih mudah kerana tanah semaian itu tidak perlu ditambah dengan campuran lain.

"Dalam masa sama dapat mengalakkan penduduk FELDA menanam sayur-sayuran bagi menambah sumber pendapatan dan menjimatkan wang dapur. "Selain itu, dengan tawaran

harga yang berpatutan ini membolehkan pelajar memiliki tanah semaian sendiri untuk tujuan pembelajaran dalam subjek kemahiran hidup ataupun sains pertanian," katanya.

Kembang perniagaan

Katanya, syarikatnya turut melebar luas jualan tanah semaian itu dengan pembungkusan lebih kecil dengan harga RM2 iaitu 700 gram yang boleh didapati di kedai Eco RM2, Pasir Besar, Gemas.

"Setakat ini kami mempunyai lebih lima agen jualan terdiri daripada orang perseorangan di kawasan FELDA Jelai 4, Kampung Londah, Gemas, FELDA Palong 10 termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan

Nano (kanan) membantu Janian mengusahakan input pertanian milik Janian.



Perusahaan Janian (kanan) turut dibantu anaknya, Roslina.

(PPK) Jempol dan Rembau," katanya.

Dalam pada itu, Janian berkata, melihat akan perkembangan perniagaannya yang diusahakan sejak Mac 2013 di FELDA Palong 3, Jempol, Negeri Sembilan itu, beliau berhasrat mengembangkan perniagaannya sehingga luar Negeri Sembilan.

"Tidak dinafikan ketika ini segalanya dilakukan secara manual dengan jumlah pekerja yang terhad, namun kami tidak mahu menjadikan hal itu sebagai penghalang.

"Justeru itu kami mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada dalam dan luar Negeri Sembilan untuk menyertai kami menambah pendapatan melalui jualan input pertanian," katanya.

Katanya, selain menjual tanah semaian, dia juga membekalkan makanan ternakan serta ubat-ubatan, kayu api, baja organik daripada najis kambing dan ayam.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung tanah semaian milik peneroka FELDA Palong 3 boleh menghubungi Roslina Janian atau Nano Samad di talian 0196291725 atau 0133041268.

Entrepreneurs needed to bring agriculture to greater heights

SIBU: The state agriculture sector needs more committed and innovative entrepreneurs to bring it to greater heights, especially in view of Sarawak's vision to be a net food and food products exporter by 2030, according to Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah.

He said this after visiting Sarawak Fruit Enterprise, a collecting, processing and packaging centre for *durian*, *dabai*, *rambutan*, *isu*, *cempedak* and other local fruits, here.

Located at Wawasan Road, the company belongs to a young entrepreneur Chuo Nang Ling who is also an electronics engineer by training.

Uggah who is Minister of Agriculture Modernisation, Native Land and Regional Development was impressed by Chuo's initiative.

"You have the idea, machines and the workers. We need more people with your spirit and commitment. You need to work out

on your production line to boost your supplies," he said.

He said the company could be an anchor for Sibu for fruits, particularly the *durian* and *dabai*, while the Agriculture Department could assist in its production line layout.

The minister also suggested for Chuo to promote his products among Sarawakians in Peninsular Malaysia, such as in Johor which has a sizeable Sarawakian population that could then introduce them to oth-

ers, to secure more markets.

He said Singapore which had accepted a number of local products could be another potential market with the assistance of Sarawak Trade and Tourism Office Singapore or Statos.

Meanwhile, Chuo said he started his business in January 2018, producing frozen fruit, fruit paste, frozen fruit pulp, fruit nut, dried fruits, fruit crackers, *durian* and *babai* ice creams, among others. — Bernama

5/10/2020

HARAKAH

KELANTAN

N11

Pertanian penting hadapi pandemik Covid

Oleh SALMAH MAT
HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

JELI: Sektor pertanian dan bekalan makanan merupakan keperluan utama bagi kelangsungan penduduk ketika menghadapi pandemik Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail berkata, sektor pertanian menyediakan bahan mentah kepada industri.

"Berdasar laporan Jabatan Perangkaan Malaysia isu tersebut memberi impak besar kepada ekonomi dunia termasuk Malaysia," katanya ketika merasmikan Germplasm Durian dan Secret Garden, di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kampus Jeli dekat sini Rabu lepas.

Germplasm Durian dan Secret Garden merupakan salah satu komponen dalam Projek Jeli Food Farm Valley (UFFV) yang dilaksanakan UMK.

Tuan Mohd Saripuddin



Ustaz Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail merinjau projek Germplasm Durian dan Secret Garden di UMK Kampus Jeli.

juga berkata, kerajaan negeri menyokong hasrat UMK untuk membantu kerajaan negeri merealisasikan Pelan Strategik 'Kelantan Melangkah Ke hadapan' 2016-2025 melalui Program Lembah Barakah Negeri Kelantan.

Katanya, pelan tersebut selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menggalakkan penglibatan rakyat dalam bidang keusahawanan dan menyarakatkan teknologi pertanian.

Manakala dalam perkembangan berkaitan Tuan Mohd Saripuddin berkata, kerajaan Kelantan akan menganjurkan seminar

khas Oktober ini untuk mengenal pasti taburan penanaman kebun durian di negeri itu.

Katanya tanaman durian mampu meningkatkan ekonomi rakyat terutamanya jenis durian bermutu tinggi yang boleh dieksport ke pasaran luar negara.

"Kerajaan negeri membuat perancangan untuk membangunkan tanaman durian secara industri. Kilang sejuk beku durian akan dibina untuk membolehkan ia dieksport ke luar negara," ujarnya.

Menurutnya juga ada usahawan di Kelantan memperkenalkan aiskrim dan kueh berasaskan durian.

5/10/2020

HARAKAH

KELANTAN

N12

UMK miliki pusat koleksi durian terbesar

Oleh SALMAH MAT
HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

JELI: Germplasm Durian di Ladang Agro Techno Park (ATP) di kampus UMK Jeli akan dijadikan sebagai pusat rujukan dan penyelidikan koleksi durian terbesar di Kelantan.

Naib Canselor UMK Prof Dato' Ts Dr Noor Azizi Ismail berkata, projek itu melibatkan penanaman benih 30 varieti durian di plot pembinaan Germplasm Durian di kawasan seluas lima-ekar. Katanya, sehingga kini lebih 200 varieti durian didaftarkan Pertanian.

"Bagaimanapun masih terdapat varieti yang berpotensi ditanam secara komersial belum didaftarkan," katanya pada perasmian Germplasm Durian dan Secret Garden di Ladang ATP UMK Kampus Jeli Rabu lepas.

Perasmian disempurnakan anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah Universiti Dr Wan Farisan Wan Sulaiman, Tumbalan Naib



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyerahkan replika cek untuk projek Akuaponik OKU Jeli.

Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof Ts Dr Arham Abdullah dan Tumbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Ts Dr Zaiman Sauli.

Dr Noor Azizi juga berkata, ATP sedang giat mengumpulkan pelbagai varieti durian dari seluruh Malaysia untuk menjayakan hasrat tersebut.

"Projek berkenaan akan memberi manfaat bagi meningkatkan bilangan varieti durian pada masa akan datang.

"Pada masa yang sama akan menjadikan UMK sebagai pusat penyelidikan dan rujukan kepada agensi-agensi pertanian," tambahnya.

Menurutnya juga UMK akan membina Secret Garden bagi menempatkan pelbagai varieti herba dan tanaman hiasan.

Pada majlis itu Tuan Mohd Saripudin menyampaikan cek kepada dua penerima projek Lembah Baraqah iaitu Ketua Projek Tanaman Kelapa Tacunan UMK Bachok Dato' Dr Beatrix Ming Baikan berjumlah RM20,000.

Manakala Pengarah Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari UMK, Ts Dr Maryana Mohamad Nor dan Mohd Mahmud menerima peruntukan berjumlah RM30,000 bagi projek Akuaponik OKU Jeli.

5/10/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

8

Bimbang dilanggar kapal waktu malam

Nelayan pinggir pantai kkuatir insiden dua kapal berlanggar

Oleh Hassan Omar
an@hmetro.com.my

Melaka

Insiden dua kapal berlanggar di perairan Tanjung Kling, dekat sini, Jumaat lalu membimbangkan nelayan pinggir pantai di perairan Melaka Selatan berkaitan mereka terdedah kepada risiko yang sama.

Nelayan Shah Jehan Mohamed, 63, berkata, perairan berkenaan mengalami peningkatan jumlah kapal berlabuh sejak beberapa tahun lalu berikutan pertambahan kapal dagang yang menggunakan Selat Melaka sebagai laluan utama.

"Kami bimbang setiap kali keluar menangkap ikan kerana kami juga menghadapi risiko dilanggar kapal terutama waktu malam dan apa akan jadi jika kapal berlanggar kami tanpa ada sesiapa yang boleh membantunya kami?"

"Kami sudah menyaksikan klip video kapal tangki itu berlanggar dan ia menakutkan kerana sedangkan kapal tangki yang besar itu boleh dirempuh, apakah lagi kami yang berperahu kecil?" katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Perigi, Pantai Futeri di sini, semalam.



KAPAL pengangkut pasir MY Ocean Line 5001 melabgar kapal tangki MT Strovocos pada kedudukan 2.4 batu nautika arah barat daya Terminal Tanjung Bruas, perairan Tanjung Kling, Jumaat lalu.

bertenaran dilanggar kapal beberapa tahun lalu.

"Saya terpaksa membuat laporan polis untuk menuntut kerugian daripada syarikat perkapalan itu dan diberikan pampasan selepas siasatan dilakukan Jabatan Laut", katanya.

Menurutnya, ada beberapa nelayan lain di pantai berkenaan menghadapi kerugian akibat kejadian serupa dan mereka memperoleh pampasan selepas tempoh yang lama.

Sementara itu, Exco Pertanian, Penternakan, Pam-

bangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Raktee berkata, beliau sudah berkali-kali meminta nelayan yang mengalami kerugian akibat kejadian seumpama supaya segera mengemukakan gambar kepadanya sebagai bahan bukti.

"Saya sendiri akan mengambil tindakan memanggil ejen kapal atau pengendali kapal itu untuk dijasar dan jika benar nelayan mengalami kerugian, saya minta mereka segera membuat pembayaran, katanya.



Kami sudah menyaksikan klip video kapal tangki itu dilanggar dan ia menakutkan"

Shah Jehan Mohamed

Rakannya, Abdul Zamzuri Abdullah, 50, berkata, dia pernah mengalami kerugian apabila jaring hanyutnya yang dilabuhkan di perairan

